

27/05/2000

Laluan kekal untuk semua acara: Kadir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jalan yang terbabit dalam perarakan terbesar Citrawarna Malaysia malam esok, akan dijadikan laluan kekal untuk semua acara perarakan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata, laluan sepanjang 1.5 kilometer itu bermula di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad melalui Jalan Raja Laut hingga ke Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Dataran Merdeka.

Katanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersedia memberi kerjasama untuk menjadikan jalan berkenaan sebagai laluan perarakan bagi semua acara pada masa depan.

Abdul Kadir berkata, perarakan Citrawarna yang diadakan sempena Bulan Citrawarna Malaysia, dijangka mampu menjadi perarakan terkenal di seluruh dunia.

Beliau berkata, keistimewaan Malaysia yang kaya dengan kebudayaan berwarna warni, akan berjaya menarik minat masyarakat antarabangsa untuk mengenali adat dan kebudayaan negara dengan lebih dekat.

Sehubungan itu, beliau meminta setiap bangunan termasuk pusat beli-belah di sepanjang jalan itu, memasang lampu berwarna warni bagi memeriahkan lagi suasana pada malam itu.

"Saya juga merayu semua bandar besar di setiap negeri memasang lampu warna warni di bangunan mereka kerana kemeriahan ini secara tidak langsung akan memperkenalkan bandar mereka," katanya pada sidang akhbar selepas melawat persiapan akhir perarakan Citrawarna di sini, hari ini.

Bulan Citrawarna Malaysia bertujuan mempamerkan kekayaan dan keindahan budaya serta adat istiadat pelbagai kaum di Malaysia, berteraskan kegiatan kesenian dan kebudayaan, seni kraf dan tampak, makanan serta pakaian.

Ia akan disambut selama sebulan di seluruh negara bermula dengan pelancaran Perarakan Citrawarna Malaysia yang akan dilakukan Yang di-Pertuan Agong pada malam esok. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua ahli Kabinet, turut dijangka hadir.

(END)